



7 November 2017

Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang

Tuan/Puan,

### **Pengurangan Penggunaan Cek bagi Industri Perniagaan Perkhidmatan Wang**

Selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia (Bank) untuk mempercepat perpindahan kepada pembayaran secara elektronik (e-pembayaran), institusi-institusi kewangan termasuk pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang perlu meningkatkan penggunaan e-pembayaran bagi menggantikan penggunaan cek dalam menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang. Usaha ini juga dapat mengurangkan kos bagi pemegang lesen berkaitan dengan penggunaan cek.


2. Sehubungan itu, semua pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang perlu mengurangkan penggunaan cek, dari segi pengeluaran dan penerimaan cek dalam masa dua (2) tahun bermula dari 1 Januari 2018. Sasaran untuk pengurangan penggunaan cek adalah ditetapkan seperti berikut:

<b>Tempoh masa</b>	<b>Kadar pengurangan penggunaan cek</b>
Tahun asas = 2017	-
Menjelang akhir tahun 2018	50%
Menjelang akhir tahun 2019	100%

3. Bagi tujuan ini, pemegang lesen adalah dikehendaki untuk menghantar laporan status tahunan mengenai kadar penggunaan cek kepada pihak Bank melalui portal FI@KijangNet. Templat bagi pelaporan tersebut adalah seperti di **Lampiran**.

4. Laporan status tahunan yang pertama dikehendaki dihantar kepada pihak Bank selewat-lewatnya 31 Januari 2019, manakala penghantaran laporan status tahunan yang berikutnya, dikehendaki dibuat selewat-lewatnya 31 Januari 2020.

Yang benar,



(Jessica Chew Cheng Lian)  
Penolong Gabenor  
Bank Negara Malaysia

**Laporan Penggunaan Cek bagi Perniagaan Perkhidmatan Wang**

**Maklumat Pemegang Lesen**

1. Nama syarikat: \_\_\_\_\_
2. Kod alpha: \_\_\_\_\_
3. No. telefon: \_\_\_\_\_

**Maklumat berkenaan penggunaan cek**

1. Jumlah cek yang dikeluarkan  
2017 (tahun asas):  
2018:  
2019:
2. Jumlah cek yang diterima  
2017 (tahun asas):  
2018:  
2019:
3. Jumlah penggunaan cek [(1) + (2)]  
2017 (tahun asas):  
2018:  
2019:
4. Kadar pengurangan penggunaan cek (%)  
2018:  
2019: